

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN MENYAMBUT HARI ULANGTAHUN KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD (S.A.W.) DI PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR PADA 5HB APRIL, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh!

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmat dan nikmatNya yang tidak terhingga kepada segala makhlukNya. Selawat dan salam dilimpahkan Allah kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad s.a.w., kepada keluarganya dan sahabat-sahabatnya, dan seterusnya kepada sekalian pengikut-pengikutnya.

Bagi pihak pacal-pacal sekalian yang hadir di sini, patik menjunjung kasih yang amat sangat di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku berdua berangkat hadir di Perhimpunan pada pagi ini. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuanku memberi semangat baru serta menambahkan penghormatan dan sanjungan umat Muslimin di negara ini kepada peristiwa yang mulia ini iaitu memperingati hari keputeraan Nabi Besar Muhammad s.a.w. yang telah menyebarkan agama Islam yang maha suci.

Ampun Tuanku.

Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk memberi sedikit ucapan kepada para hadirin sekalian.

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Dif-dif yang dihormati, tuan-tuan dan Puan-puan, saudara-saudara sekalian.

Syukur Alhamdulillah, kerana pada hari yang berbahagia ini, kita dapat berhimpun beramai-ramai di sini untuk mengingati dan merayakan Hari Ulangtahun Keputeraan Junjungan Besar kita

Nabi Muhammad S.A.W. atau Hari Maulud Nabi. Inilah kali pertama perayaan ini diadakan semenjak tertubuhnya Wilayah Persekutuan dua bulan yang lalu. Peristiwa hari ini amatlah penting dan amat besar maknanya kepada kita umat Islam khususnya, dan kepada sekalian umat manusia umumnya oleh kerana pada hari ini lebih kurang satu ribu empat ratus tahun yang silam, telah lahir ke dunia ini seorang putera Arab yang menjadi pilihan Allah Subhanahuwataala untuk memimpin umat manusia ini ke arah jalan yang benar iaitu Junjungan Besar kita Nabi Muhammad (S.A.W.)

Amatlah tepat dan sesuai sekali Ulangtahun Keputeraan Junjungan Besar kita ini dirayakan secara besar-besaran sebagai tanda menunjukkan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahuwataala di atas rahmatNya mengutuskan seorang Rasul untuk menjadi pemimpin dan pembimbing seluruh umat manusia. Perayaan ini juga bertujuan untuk meninggikan syiar ugama Islam di Negara kita oleh kerana sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan dan kemajuan ugama Islam.

Sebagaimana yang kita maklum, pengajaran yang dibawa oleh Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. melalui ugama suci Islam adalah untuk kebaikan dan kemajuan umat manusia seluruhnya. Ugama Islam menghendaki supaya penganut-penganutnya berusaha dalam segala bidang dengan cara yang sebaik-baiknya untuk memenuhi keperluan hidup di dunia dan juga di akhirat. Oleh itu ajaran-ajaran ugama Islam adalah sesuai untuk segala zaman dan keadaan. Hanya kita sebagai penganutnya yang hidup dalam zaman teknologi dan penuh dengan cabaran ini perlulah menyesuaikan hidup kita dengan keadaan-keadaan yang sentiasa berubah itu, tetapi tetap berpegang teguh kepada nilai-nilai luhur yang menjadi asas ajaran Islam yang suci. Dalam context ini, Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. telah meninggalkan kepada kita mutiara yang tidak ternilai harganya menerusi hadis-hadis dan sifat-sifat dirinya yang terpuji yang seharusnya menjadi pedoman dan tauladan kepada umat Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti dimaklum, tema perayaan Hari Ulangtahun keputeraan Junjungan Besar kita Muhammad S.A.W. ialah "Perpaduan Islam melalui Amalan". Tema ini merupakan sebagai lanjutan daripada hasil-hasil kejayaan Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam

di Lahore baru-baru ini, di mana semangat perpaduan Islam mula dibuktikan dengan jelas dan nyata ke seluruh dunia. Saya percaya sekiranya hasrat umat Islam di seluruh dunia untuk mencapai perpaduan ini disusul dengan amalan dan tindakan-tindakan yang selaras dengan hasrat tadi, Insya Allah, tujuan kita untuk melihat lahirnya sebuah Commonwealth Islam yang menggabungkan seluruh umat Islam di dunia ini akan tercapai. Oleh yang demikian, saya menyeru umat Islam di Malaysia supaya memahami konsep "perpaduan" yang dikehendaki oleh ugama suci kita dan mengamalkan segala ajaran-ajaran yang dikehendaki oleh Islam itu.

Dalam bulan Jun ini, kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam sebagaimana yang diputuskan oleh sidang kemuncak di Lahore baru-baru ini. Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah bagi Persidangan itu adalah satu penghormatan besar oleh negara-negara Islam kepada negara kita. Oleh itu, saya suka menyeru kepada semua pihak yang terlibat dengan Persidangan itu supaya memberi sokongan dan Kerjasama sepenuhnya bagi menentukan kejayaan Persidangan yang penting itu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia adalah bersungguh-sungguh dalam usahanya hendak memajukan ugama Islam di Negara ini. Baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan dua badan yang penting untuk mencapai tujuan tersebut iaitu pertamanya pembentukan Yayasan Dakwah Islam yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan gerakan-gerakan dakwah keseluruh negara dengan cara lebih berkesan lagi.

Pada 1hb Februari, 1974 iaitu serentak dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, Kerajaan mengumumkan pula penubuhan sebuah Majlis Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan ini. Majlis ini akan bertanggungjawab khusus mengenai pentadbiran dan segala hal ehwal kemajuan Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan. Saya berharap Majlis ini akan kelak dapat merumuskan langkah-langkah yang positif bagi meninggikan lagi syiar Ugama Islam di Malaysia amnya, dan di Wilayah Persekutuan ini khasnya menaikkan taraf dan kedudukan pegawai-pegawai dan guru-guru ugama supaya setanding dengan taraf dan kedudukan pegawai-pegawai awam yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Saudara-saudara sekalian.

Kita bersama-sama ingin melihat perubahan-perubahan dalam masyarakat Islam supaya berjalan seimbang dengan perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang sedang pesat berlaku di Negara sekarang ini. Dengan demikian, rakyat Malaysia bukan sahaja akan teguh dan kuat di bidang ekonomi, politik dan sosial, tetapi juga di bidang keagamaan dan kerohanian. Untuk mencapai matalamat ini, marilah kita membaharui azam dan menjadikan peristiwa pagi ini sebagai langkah permulaan untuk menuju cita-cita itu. Semoga Allah akan sentiasa memberkati usaha kita itu.

Ampun Tuanku.

Patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk bertitah kepada Perhimpunan ini.